



ALLIANCE BANK

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

**Alliance Bank
BizSmart®Solution Partnerships Program**

BizSmart®Solution Portal

Terms and Conditions

Alliance Bank BizSmart@Solution portal (“BizSmart@Solution”) is a B2B community platform facilitated by Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB”) to assist SMEs with their business and personal needs. BizSmart@Solution also provides the opportunity for Small Medium Enterprises (SME) businesses to market themselves and have access to a larger customer base.

BizSmart@Solution shall commence from 23 March 2020 and will continue until such time ABMB notifies of its discontinuance with prior notice via ABMB official website or through other reasonable means of communication.

By using BizSmart@Solution, you agree to be bound by the terms and conditions contained herein.

For SME Business Owners (“Business”)

1. It is open to all existing Small Medium Enterprises (SME) business customers that are registered in Malaysia.
2. This terms and conditions shall be supplemental to the existing terms and conditions governing the Eligible ABMB Customers’ product and banking accounts maintained with ABMB (“the Existing Terms”)
3. BizSmart@Solution would feature Business-to-Business (B2B) related businesses (defined as business conducted between companies, rather than an individual.) Business-to-Consumer (B2C) related businesses (defined as products and services directly offered by a business to an individual/end user) would be directed to #SupportLokal Online Bazaar and will be bound by the terms and conditions contain therein.
4. By participating in this Initiative, Business hereby are agreeable to open a Business Current Account (BCA) and have Financing product(s) with the Bank and give their consent and authorize ABMB to disclose their particulars to any merchant or third party e-commerce platform engaged by ABMB for this purpose.
5. Business hereby give their consent and authorize ABMB to use, publish and/or display the names, visual, content and/or other information for current and future advertising and/or promotion pertaining to BizSmart@Solution purposes without any form of compensation, be it monetary or non-monetary.
6. Business are responsible to update ABMB when the promotion or product or service has lapsed or no longer valid for the purpose of updating the Business content on BizSmart@Solution; with time to take down the information and/or Business Profile from BizSmart@Solution. Business also undertake to ensure that the content put up on BizSmart@Solution is current and up to date.

For Individuals

1. Individuals can view the list of products, services and exclusive offers that the Business are promoting on BizSmart®Solution website. Individuals who wish to make any order can submit their interest in the respective Business e-form in BizSmart®Solution or contact the Business directly from the details on the Business site. The Bank will notify Business via email notification or calls which contain the details of individuals whom are interested in Business Products and Services. Once Business are in contact with the individual, Business shall be fully responsible for all representations and performance of your Products and Services and related areas.
2. ABMB has no control upon clicking the link that brings the Individual to a third party website. The use of the third party website will be entirely at the Individual's own risk, and subject to the terms and conditions of the third party website, including but not limited to those relating to confidentiality, data privacy and security. ABMB gives no warranty as to the entirely, accuracy or security of the linked third party website or any of its content. ABMB shall not be responsible or liable in connection with the content of or the consequences of you accessing the third party website.
3. The promotion displays at BizSmart®Solution will channel the customers to Business Partner's/Vendor's website of which after clicking the link customer will take note that the Bank will NOT be liable to security, information and etc.
4. The data collected is linked to Bank's Vendor/Business partners, therefore Customer to provide consent that this data will be processed for this event/session and etc.
5. ABMB's role in BizSmart® Solutions portal is solely to provide awareness for Individuals to view Business' promotion and is purely facilitative in nature. ABMB is also not a party to any agreement or transaction between the Business and the users #Supportlokal and BizSmart® Solution portal
6. ABMB gives no warranties or representations to the Business' product and services and shall not be liable for any loss or damage suffered by the Individual as a result of subscribing or using Business' product and services. Individuals are to contact the Business directly if there are further enquiries, feedback or complaints.

General Terms and Conditions

1. ABMB shall not be held responsible for any misrepresentation in regards to the quality and reliability of Business Products and Services for the customers. The Bank disclaims any and all liability, including any express or implied warranties, whether oral or written for your Products and Services inclusive of your related services. The Bank shall not be responsible nor accept any liabilities whatsoever from any third parties howsoever arising from the delivery of Business Products and Services.
2. Both Business and ABMB will initiate and launch joint marketing efforts not limited to webinars, campaigns, tactical promotions, events and others to establish mutual benefits.
3. For ABMB to feature Business and its solutions in BizSmart® Solution, it is subjected to Business agreeing to open a business current account (BCA) with the Bank and maintain a minimum or sufficient average monthly balances in the BCA and having any financing product(s) or business/ banking relationship with the Bank. ABMB also offers comprehensive benefits to both business owners and employees under the Alliance@Work program to provide a more holistic banking solution to add value to you at no additional cost.
4. ABMB reserves the right to add, delete, vary and/or amend the terms and conditions herein from time to time when the number of referrals from ABMB to you via this platform reach a certain volume (to be advised or upon notice by ABMB), as it would require additional administration and system enhancements by ABMB.

5. ABMB has instituted and maintained policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by ABMB and its directors, officers, or employees; and to the best of the ABMB's knowledge, neither the ABMB nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. ABMB has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorize, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual. Business acknowledges that it has been made aware of the ABMB's anti-bribery and corruption policy (a summary of the policy is available on ABMB website) and further covenants/undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of ABMB.
6. In the event of any disputes on the arrangement above, ABMB's decision shall be final and binding on both parties.
7. ABMB reserves the right to remove and reject any Business from BizSmart@Solution portal when the leads drop response or the number of referrals from business is below average. (overall referral). For the avoidance of doubt, the amendment, shortening, cancellation, suspension or termination of BizSmart@Solution Partnerships Program shall not entitle any Business to make any claim against ABMB for any losses or damages suffered or incurred.
8. ABMB does not represent and is not an agent of the Business' products and services and shall not be liable to any losses, costs or damages of any kind resulting from the Individuals coming from the website as it is a direct transaction between the Individuals and Business that does not involve ABMB.
9. By participating, both Individuals and Business are to have read, understood and accepted and agreed to be bound by this Campaign terms and conditions including any amendments or variations thereof.
10. ABMB shall not be responsible nor shall accept any liabilities arising or suffered by Business and Individual resulting directly or indirectly from the arrangement between Business and Individual. All commercial transactions are taken place outside ABMB's jurisdiction via an external site, and ABMB gives no warranty to its security, accuracy, reliability and content.
11. ABMB reserves the right to withdraw/cancel, terminate, suspend or extend and to add, delete, suspend or vary this terms and conditions, wholly or in part with prior notice by way of posting on ABMB's website. Business and Individual are responsible to regularly view this terms and conditions on our website for any changes, addition, deletion, suspension or variation to this terms and conditions.

I hereby confirm that I have read and understood the terms and conditions pertaining to the BizSmart@Solution Partnerships program Initiative. I unconditionally accept to be bound by the terms and conditions herein including any amendments or variations thereto and to any decision of ABMB in connection with any matter relating to the BizSmart@Solution Partnerships program which decision shall be final and binding on me/us.



ALLIANCE BANK

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

Portal BizSmart®Solution Alliance Bank

Terma dan Syarat

Portal Alliance Bank BizSmart@Solution (“BizSmart@Solution”) adalah platform komuniti B2B yang dikendalikan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad (“ABMB”) untuk membantu PKS dengan keperluan perniagaan dan peribadi mereka. BizSmart@Solution juga memberi peluang kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) memasarkan perniagaan mereka dan mempunyai akses kepada asas pelanggan yang lebih besar.

BizSmart@Solution bermula dari 23 Mac 2020 dan akan berterusan sehingga ABMB memaklumkan penamatannya dengan memberi notis terlebih dahulu pada laman web rasmi ABMB atau melalui cara komunikasi munasabah yang lain.

Dengan menggunakan BizSmart@Solution, anda bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat yang terkandung di sini.

Untuk Pemilik Perniagaan PKS (“Perniagaan”)

1. Ia dibuka kepada semua pelanggan perniagaan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) sedia ada yang berdaftar di Malaysia.
2. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir produk dan akaun perbankan Pelanggan yang Layak ABMB yang dikekalkan dengan ABMB (“Terma Sedia Ada”).
3. BizSmart@Solution menampilkan perniagaan berkaitan Perniagaan ke Perniagaan (B2B) (ditakrifkan sebagai perniagaan yang dijalankan antara syarikat, bukannya individu). Perniagaan berkaitan Perniagaan ke Pengguna (B2C) (ditakrifkan sebagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan secara langsung oleh perniagaan kepada individu/pengguna akhir) akan ditujukan ke Bazar Dalam Talian #SupportLokal dan akan diikat oleh terma dan syarat yang terkandung di dalamnya.
4. Dengan mengambil bahagian dalam Inisiatif ini, Perniagaan dengan ini bersetuju untuk membuka Akaun Semasa Perniagaan (BCA) dan memiliki pembiayaan dengan Bank dan memberi persetujuan mereka dan membenarkan ABMB untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana peniaga atau platform e-dagang pihak ketiga yang digunakan oleh ABMB bagi tujuan ini.
5. Perniagaan dengan ini memberi persetujuan mereka dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, visual, kandungan dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi masa kini dan masa depan yang berkaitan dengan tujuan BizSmart@Solution tanpa sebarang bentuk pampasan, sama ada kewangan atau bukan kewangan. Perniagaan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, visual, kandungan dan/atau maklumat lain untuk pengiklanan dan/atau promosi masa kini dan masa depan yang berkaitan dengan tujuan #SupportLokal tanpa sebarang bentuk pampasan, sama ada kewangan atau bukan kewangan.
6. Perniagaan bertanggungjawab untuk memaklumkan ABMB seurus selepas promosi atau produk atau perkhidmatan telah tamat atau tidak lagi sah bagi tujuan mengemas kini kandungan Perniagaan di BizSmart@Solution; dengan masa untuk mengeluarkan maklumat dan/atau Profil Perniagaan daripada BizSmart@Solution. Perniagaan juga perlu berjanji untuk memastikan kandungan yang dipaparkan di BizSmart@Solution adalah terbaru dan terkini.

Untuk Individu

1. Individu boleh melihat senarai produk, perkhidmatan dan tawaran eksklusif yang dipromosikan oleh Perniagaan di laman web BizSmart@Solution. Individu yang ingin membuat sebarang pesanan boleh menyatakan minat mereka dalam e- borang Perniagaan masing-masing pada BizSmart@Solution, atau hubungi Perniagaan secara terus melalui butiran yang didapati di laman Perniagaan tersebut. Bank akan memaklumkan Perniagaan secara e-mel atau panggilan telefon yang mengandungi butiran individu yang berminat dengan Produk dan Perkhidmatan Perniagaan. Sebaik sahaja Perniagaan menghubungi individu tersebut, Perniagaan akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua perwakilan dan pelaksanaan Produk dan Perkhidmatan anda serta semua perkara yang berkaitan.
2. ABMB tidak mempunyai kawalan ke atas pautan yang diklik oleh Individu yang membawa Individu tersebut ke laman web pihak ketiga. Penggunaan laman web pihak ketiga adalah sepenuhnya atas risiko Individu sendiri, dan tertakluk kepada terma dan syarat laman web pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan kerahsiaan, privasi data dan keselamatan. ABMB tidak memberi jaminan tentang keseluruhan, ketepatan atau keselamatan laman web pihak ketiga yang dipautkan atau apa-apa kandungannya. ABMB tidak bertanggungjawab berkaitan dengan kandungan atau akibat daripada anda mengakses laman web pihak ketiga.
3. Paparan promosi di BizSmart@Solution akan menyalurkan pelanggan ke laman web Rakan Kongsi Perniagaan/Vendor. Selepas mengklik pautan, pelanggan diminta ambil perhatian bahawa Bank TIDAK akan bertanggungjawab ke atas keselamatan, maklumat dan lain-lain.
4. Data yang terkumpul akan dipautkan kepada Vendor/Rakan Kongsi Perniagaan Bank, oleh itu Pelanggan perlu memberi persetujuan bahawa data ini akan diproses untuk acara/sesi ini dan lain-lain.
5. Peranan ABMB dalam portal BizSmart@Solution adalah semata-mata untuk memberi kesedaran kepada Individu untuk melihat promosi Perniagaan dan untuk memudahkan pengguna. ABMB juga tidak berpihak kepada sebarang perjanjian atau transaksi antara Perniagaan dan pengguna portal BizSmart@Solution.
6. ABMB tidak memberi jaminan atau perwakilan kepada produk dan perkhidmatan Perniagaan dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Individu akibat daripada melanggan atau menggunakan produk dan perkhidmatan Perniagaan. Individu perlu menghubungi Perniagaan secara terus jika terdapat pertanyaan lanjut, maklum balas atau aduan.

Terma dan Syarat Am

1. ABMB tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata berkenaan dengan kualiti dan kebolehpercayaan Produk dan Perkhidmatan Perniagaan untuk pelanggan. Bank menafikan sebarang dan semua liabiliti, termasuk sebarang jaminan tersurat atau tersirat, sama ada lisan atau bertulis untuk Produk dan Perkhidmatan anda termasuk perkhidmatan berkaitan anda. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti sekalipun daripada mana-mana pihak ketiga yang bagaimanapun timbul daripada penghantaran Produk dan Perkhidmatan Perniagaan.
2. Kedua-dua Perniagaan dan ABMB akan memulakan dan melancarkan usaha pemasaran bersama yang tidak dihadkan kepada webinar, kempen, promosi taktikal, acara dan lain-lain untuk mewujudkan manfaat bersama.
3. Untuk ABMB menampilkan Perniagaan dan penyelesaiannya dalam BizSmart@Solution, ia tertakluk kepada persetujuan Perniagaan untuk membuka Akaun Semasa Perniagaan (BCA) dengan Bank dan mengekalkan baki purata bulanan minimum atau yang mencukupi di BCA dan memiliki pembiayaan atau mempunyai sebarang hubungan perniagaan/perbankan dengan Bank. ABMB juga menawarkan manfaat komprehensif kepada pemilik perniagaan dan kakitangan di

bawah program Alliance@Work untuk menyediakan penyelesaian perbankan yang lebih menyeluruh bagi menambah nilai kepada anda tanpa kos tambahan.

4. ABMB berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda terma dan syarat di sini dari semasa ke semasa apabila bilangan rujukan daripada ABMB kepada anda melalui platform ini mencapai jumlah tertentu (akan dimaklumkan atau selepas pemberian notis oleh ABMB), kerana ini akan memerlukan pentadbiran tambahan dan peningkatan sistem oleh ABMB.
5. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh ABMB dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan ABMB, ABMB mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. ABMB tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu. Perniagaan mengakui bahawa ia telah dimaklumkan mengenai polisi antirasuah dan sogokan ABMB (ringkasan polisi boleh didapati di laman web ABMB) dan selanjutnya berjanji bahawa ia tidak akan terlibat dalam amalan rasuah sedemikian dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan ABMB.
6. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian mengenai pengaturan di atas, keputusan ABMB adalah muktamad dan akan mengikat kedua-dua pihak.
7. ABMB berhak untuk mengeluarkan dan menolak sebarang Perniagaan daripada BizSmart@Solution pada bila-bila masa. Untuk mengelakkan keraguan, pindaan, pemendekan, pembatalan, penggantungan atau penamatan BizSmart@Solution tidak melayakkan mana-mana Perniagaan melakukan apa-apa tuntutan terhadap ABMB untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung.
8. ABMB tidak mewakili dan bukan ejen untuk produk dan perkhidmatan Perniagaan dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos atau ganti rugi dalam apa-apa bentuk sekalipun dari Individu yang menggunakan laman web kerana ia adalah transaksi langsung antara Individu dan Perniagaan dan tidak melibatkan ABMB.
9. Dengan mengambil bahagian, kedua-dua Individu dan Perniagaan perlu membaca, memahami dan menerima serta bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat Kempen ini termasuk sebarang pindaan atau perubahan kepadanya.
10. ABMB tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Perniagaan dan Individu akibat daripada pengaturan antara Perniagaan dan Individu secara langsung atau tidak langsung. Semua transaksi komersial berlaku di luar bidang kuasa ABMB, iaitu melalui laman web luar, dan ABMB tidak memberi jaminan kepada keselamatan, ketepatan dan kandungannya.
11. ABMB berhak untuk menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan dan menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis terlebih dahulu melalui siaran di laman web ABMB. Perniagaan dan Individu bertanggungjawab untuk sentiasa menyemak terma dan syarat ini di laman web kami untuk sebarang perubahan, penambahan, pengeluaran, penggantungan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami terma dan syarat berkaitan Inisiatif BizSmart@Solution. Saya, secara muktamad, menerima untuk diikat oleh terma dan syarat di sini termasuk sebarang pindaan atau perubahan kepadanya dan kepada sebarang keputusan ABMB berkaitan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan BizSmart@Solution yang mana keputusannya adalah muktamad dan mengikat saya/kami.